

29/01/2000

Rafidah sah bertanding (HL)

Jamhariah Jaafar; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz mengesahkan akan mencabar Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, pada pemilihan pergerakan itu 10 Mei ini.

Beliau menegaskan keputusan itu dibuat untuk membetulkan semula pergerakan berkenaan yang didakwa sudah tersasar dari landasan perjuangan sebenar.

Sehubungan itu, beliau mengajak Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, bertanding jawatan Naib Ketua supaya dapat berganding bahu dengannya.

"Saya ada meminta Shahrizat untuk bertanding Naib Ketua dan selepas itu saya akan membawa masuk pelapis muda yang lain. Bagi saya perkara seperti itu adalah sesuatu yang praktikal dan perlu bagi menjamin kesinambungan kepimpinan parti.

"Kita perlu meletakkan pergerakan ini di atas asas yang kukuh. Dengan itu, pemimpin akan datang yang akan mengambil alih kerusi ini akan mempunyai sesuatu yang bernilai, bukan hanya bagi Ketua Wanita akan datang, bahkan pemimpin parti selepas (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad)," katanya.

Dalam temubual dengan Berita Harian, Rafidah menjelaskan beliau menolak cadangan segelintir pihak supaya bertanding jawatan Naib Presiden kerana mahu memimpin Wanita Umno yang didakwa dilanda pelbagai masalah, terutama perpaduan tidak jitu selepas beberapa Exco dipecat Siti Zaharah tanpa sebarang alasan, Ogos lalu.

"Saya masuk semula untuk membetulkan keadaan, tidak lebih daripada itu. Jika satu penggal cukup untuk saya melaksanakan segala-galanya, maka cukuplah satu penggal.

"Kalau dalam tempoh tiga tahun saya pegang, keadaan (dalam pergerakan itu) boleh dibetulkan, maka selepas itu saya akan mengucapkan selamat tinggal.

"Bagi saya satu penggal sudah cukup, ketika itu nanti (sekiranya menang) saya sudah 59 tahun," katanya yang pernah mengetuai pergerakan itu selama 12 tahun.

Beliau tewas dengan majoriti tipis 27 undi, kepada Siti Zaharah pada pemilihan 1996.

Menjawab soalan, Rafidah berkata, perkara pertama yang perlu dilakukan sekiranya dipilih semula ialah menyatupadukan semula semua ahli pergerakan yang ketika ini dikatakan berpuak-puak.

"Saya ingin mengembalikan semula kegemilangan Wanita. Banyak kerja perlu dibuat.

"Kita perlu menyatupadukan mereka semula, basmi semua prasangka. Tidak ada soal mengenai orang Rafidah atau orang Zaharah, semua orang parti... inilah cara saya," katanya sambil menafikan beliau bertanding untuk membalas dendam.

"Ya Allah! Buat apa. Orang yang cakap tu, otak dia tidak begitu jelas dan agaknya sifat dia macam itu. Jika pergerakan ini sempurna, saya tidak akan ganggu lagi," katanya.

Rafidah juga yakin beliau masih mempunyai sokongan kuat ahli pada peringkat akar umbi.

"Saya sudah berada dalam Umno selama 33 tahun dan dalam Majlis Tertinggi (MT) sejak zaman Allahyarham Tun Abdul Razak lagi. Maknanya akar umbi itu dah kuat. Kalau tak percaya mari ikut saya ke kampung, berpeluk dan

menangis, lama kenal dan sama-sama dah punya cucu," katanya.
(END)